

25/02/2001

Pas tambah syarat untuk gagalkan pertemuan

KIAU terkejut apabila Pas setuju terima pelawaan Umno untuk berbincang. Tapi Kiau tak terkejut sikit pun apabila Pas minta tangguh pada saat akhir.

Ini Kiau dah agak. Dari awal lagi Pas dah letak syarat. Pas tak mahu berjumpa kalau setakat bincang soal perpaduan orang Melayu.

Ini Kiau faham pasal Pas bukan parti Melayu. Jadi tak kenalah Pas bincang soal orang Melayu saja.

Macam itu jugalah Keadilan. Ia dari awal lagi tolak pasal macam kata Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Keadilan bukan parti Melayu.

Apabila Umno pelawa, Pas tak berani tolak bulat-bulat takut orang Melayu kata Pas tak peduli soal orang Melayu atau Pas tak mahu perdamaian.

Jadi Pas buat syarat dengan harapan Umno tolak. Mula-mula Pas mahu bincang bukan isu Melayu, tapi isu nasional yang termasuk soal tindakan mahkamah ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada perkiraan Pas, Umno tak akan terima syarat-syarat itu. Tapi Umno terima. Apabila Umno terima Pas terperangkap.

Jadi Pas kena cari alasan. Jadi beberapa jam sebelum pertemuan diadakan Isnin lalu Pas minta tangguh.

Tangguh perkara biasa. Tapi bagi Pas ini bukan tangguh biasa. Ia cara Pas melambat dan kalau boleh menggagalkan pertemuan. Caranya ialah dengan meletakkan syarat-syarat baru yang Pas tahu payah bagi Umno nak tunaikan.

Macam isu bayaran minyak kepada Terengganu misalnya. Ia bukan isu Umno saja, tapi isu Kerajaan, sedangkan pertemuan itu adalah antara Umno dan Pas, bukan Kerajaan dengan Pas.

Tak apalah Pas nak tuntutan juga, tapi cukup jelas Pas berasa tersilap apabila ia terima pelawaan Umno itu.

Kiau yakin Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor ikhlas nak berbincang. Kalau dia mahu, dia boleh bincang satu sama satu dengan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tapi ini tentulah tak boleh diterima oleh pemimpin Pas yang lain pasal bukan semua percaya kepada dia.

Kiau rasa selain Fadzil dan Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tak banyak pemimpin Pas berani bersemuka dengan Dr Mahathir.

Malah Kiau tak hairan sikit pun kalau ada pemimpin Pas yang tak mahu pertemuan diteruskan pasal mereka takut kalau-kalau hujah Dr Mahathir boleh ubah fikiran mereka.

Mana tahu Dr Mahathir cerita perkara yang dia tak cerita sebelum ini yang orang Pas tak mahu dengar. Kalau mereka diyakinkan tentang sesuatu isu, susahlah bagi mereka hendak gunakan isu itu untuk belasah Umno dan Kerajaan.

Pendeknya, Pas takut diyakinkan mengenai isu yang selama ini mereka putar-belitkan untuk serang Umno dan Kerajaan.

Satu lagi kita kena ingat. Pas bukan parti monolitik atau parti besar yang bersatu padu. Pas ada banyak puak. Puak Kelantan bawah Nik Aziz, puak Terengganu bawah Abdul Hadi Awang, puak pemuda bawah Mahfuz Omar dan macam-macam puak lagi, termasuk puak lawak dan maki-hamun bawah Mohamad Sabu.

Kita semua tahu sejak dulu lagi puak Kelantan dengan puak Terengganu tak sebulu. Sekarang puak Terengganu tambah kuat dan mereka tentulah tidak mahu tunduk kepada puak Kelantan.

Pasal permusuhan Kelantan-Terengganu inilah maka Presiden Pas orang Kedah. Sebelum itu orang Pulau Pinang. Tapi mereka tentulah tak sekuat pemimpin Pas dari Kelantan atau Terengganu.

Sejak pilihan raya umum 1999 timbul puak baru dalam Pas - puak profesional yang terdiri daripada bekas pensyarah universiti, pegawai hal ehwal agama dan ahli perniagaan. Khabarnya, mereka ini semakin berpengaruh dan berkuasa.

Khabarnya mereka ini pun tak begitu cenderung kepada pertemuan Umno-Pas pasal mereka kenal baik dengan Anwar. Jadi mereka takut hujah Dr Mahathir tentang Anwar akan mempengaruhi fikiran wakil Pas ke pertemuan itu.

Bagi mereka, yang penting bukan fakta atau kebenaran. Bukan juga perpaduan orang Melayu atau masa depan mereka. Yang penting ialah modal politik untuk menang pilihan raya.

Tentang Umno pula, Kiau nak bagi amaran jangan jadi macam hidung tak mancung pipi tersorong-sorong. Kiau takut ayam belum bersabung kampung sudah tergadai.

Jadi, Umno janganlah ghairah sangat tentang pertemuan itu. Umno kena fikir juga perasaan ahli akar umbi. Kiau rasa orang bawahan Umno bukan suka sangat pertemuan yang dirancangkan itu.

Mereka kenal Pas. Hari-hari mereka berdepan dengan orang Pas. Dah bertahun-tahun mereka dicap kafir oleh Pas. Mereka tak yakin sikap Pas boleh diubah.

(END)